

**GARIS PANDUAN MEMASUKI PREMIS OLEH AGENSI
LUAR BAGI PREMIS YANG TELAH DIAMBIL
MILIK AKIBAT KEBAKARAN**

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
MALAYSIA
2011**

PENDAHULUAN

- 1) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan mengambil milik premis sekiranya berlaku kebakaran di premis tersebut bagi tujuan menjalankan penyiasatan seperti mana yang termaktub dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).
- 2) Jika mana-mana orang yang didapati memasuki atau berada dalam premis atau bahagian premis yang telah diambil milik tanpa kebenaran, pegawai diberikuasa boleh menangkapnya tanpa waran dan orang yang ditangkap boleh dikenakan kompaun mengikut Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).
- 3) Ketua Pegawai Penyiasat (CFIO) yang bertugas boleh memberi kebenaran kepada mana-mana orang yang perlu masuk ke premis yang telah diambil milik mengikut syarat-syarat yang ditetapkan seperti mana yang termaktub dalam Arahan Penyiasatan Kebakaran Bil. 2 Tahun 2011.

TUJUAN

- 4) Garis Panduan Memasuki Premis Oleh Agensi Luar Bagi Premis Yang Telah Diambil Milik Akibat Kebakaran adalah bertujuan untuk menerangkan dan menjelaskan perkara yang perlu dilakukan oleh agensi luar untuk memasuki kawasan premis yang telah diambil milik oleh JBPM.
- 5) Garis panduan ini menyediakan bantuan kepada individu terbabit dalam menjalankan tugas untuk melakukan kerja-kerja siasatan di premis yang telah diambil milik oleh JBPM.

TAKSIRAN

- 6) Bagi tujuan garis panduan ini, berikut adalah taksiran:
 - 6.1) **Agensi Luar :-**
Agensi selain dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia samada Agensi Swasta atau Agensi Kerajaan.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)

7) Peruntukan-peruntukan di undang-undang yang berkaitan dengan pengambilan milik premis atau bahagian premis dan apa-apa harta benda lain yang telah dirosakkan atau sisa-sisa harta atau benda lain boleh dijalankan adalah seperti berikut:.

- 7.1) Seksyen 46 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341), peruntukan kepada Ketua Pengarah atau mana-mana Pegawai Bomba yang diwakilkan kuasa oleh beliau untuk mengambil milik premis itu atau bahagian premis dan apa-apa harta benda lain yang telah dirosakkan atau sisa-sisa harta atau benda lain yang dimusnahkan oleh api akibat kebakaran.
- 7.2) Seksyen 47, Akta mana-mana orang yang tanpa kebenaran Pegawai Bomba, memasuki atau berada dalam mana-mana premis atau bahagian mana-mana premis yang telah diambil milik oleh Ketua Pengarah atau mana-mana Pegawai Bomba yang diwakilkan kuasa di bawah Seksyen 46 adalah melakukan kesalahan.

TATACARA MEMASUKI PREMIS YANG TELAH DIAMBIL MILIK OLEH JBPM

8) Berikut merupakan tatacara agensi luar untuk memasuki premis yang telah diambil milik oleh JBPM :


- 8.1) Apabila seseorang agensi luar hendak memasuki premis, beliau hendaklah memohon kebenaran daripada Ketua Pegawai Penyiasat (CFIO) yang bertugas dan mengisi **Borang Kebenaran Masuk ke Premis**.
- 8.2) Kad pengenal diri bertugas bagi memberi pembuktian kepada identifikasi syarikat/agensi kerajaan yang melantik perlulah ditunjukkan kepada CFIO sebelum memohon kebenaran masuk.

- 8.3) Seseorang agensi luar mestilah memakai atau menggunakan peralatan perlindungan persendirian yang sesuai dan selamat sepanjang berada di dalam premis. Keselamatan dan kesihatan agensi luar semasa berada di dalam premis adalah di bawah tanggungjawab agensi luar itu sendiri.
- 8.4) Seseorang agensi luar hendaklah tidak merosakkan segala bahan bukti yang berada di tempat kejadian. Jika beliau bercadang untuk mengalihkan sesuatu barang atau isi premis, beliau hendaklah memberitahu pegawai penyiasat (FIO) akan perubahan yang hendak dilakukan.
- 8.5) Seseorang agensi luar tidak dibenarkan untuk mengambil apa-apa bahan bukti dari premis kecuali selepas penyerahan ambil milik premis telah dilakukan oleh FIO.
- 8.6) Mengambil gambar untuk dijadikan bahan bukti adalah dibenarkan namun keutamaan haruslah diberikan kepada FIO yang sedang bertugas.
- 8.7) Seseorang agensi luar hendaklah menjalankan siasatan dengan sendirinya tanpa mengganggu, menghalang atau campurtangan kerja-kerja penyiasatan yang FIO sedang jalankan seperti temuduga saksi, pemugaran (*excavation*) dan seumpamanya.
- 8.8) Seseorang agensi luar adalah dilarang sama sekali untuk berbincang atau bertanyakan apa-apa maklumat dari FIO yang bertugas di tempat kejadian.
- 8.9) Kesediaan untuk keluar dari premis apabila diminta oleh FIO atau CFIO adalah diperlukan tanpa memerlukan apa-apa penjelasan dari FIO atau CFIO yang bertugas.

PENUTUP

- 9) Dengan adanya penerangan yang jelas tentang garis panduan ini, diharapkan terdapat suatu keseragaman dalam pemahaman di antara agensi-agensi yang terlibat dalam mematuhi garis panduan ini.
- 10) Justeru bagi memastikan ia dilaksanakan dengan sempurna, semua agensi luar yang terlibat hendaklah sentiasa merujuk kepada garis panduan ini.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(DATO' WAN MOHD. NOR BIN HJ. IBRAHIM)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: Disember 2011